

Headline	TNB kongsi hasil keuntungan bersama golongan memerlukan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	547 cm <sup>2</sup>	Journalist	ASYRAF
PR Value	RM 27,992		



# TNB kongsi hasil keuntungan bersama golongan memerlukan

ASYRAF MUHAMMAD  
FOTO: ROSLI TALIB

KOTA BELUD - Kehidupan penduduk kawasan luar bandar khususnya di penempatan pendalaman sememangnya tidak begitu gah seperti masyarakat bandar yang kelihatannya lebih selesa dan terjamin.

Lantaran itu, apabila tibanya sesi persekolahan musim persekolahan baharu, ibu-bapa ini pastinya tidak senang duduk berikutan perlu bekerja keras bagi menambah pendapatan mereka untuk menyediakan kelengkapan sempurna buat anak-anak.

Menyedari tentang hakikat itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekali lagi terpacu untuk membantu meringankan beban golongan memerlukan ini khususnya di kawasan luar bandar dengan meneruskan program khidmat sosial korporatnya (CSR).

Setiasaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr Kibin Samad berkata, TNB sebelum ini telah melaksanakan inisiatif program Back To School di beberapa buah sekolah seluruh Malaysia dan kali ini syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu meneruskan usaha mumi mereka bagi membantu murid-murid yang kurang berkemampuan.

"Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada TNB kerana sanggup datang jauh ke sini semata-mata bagi menyampaikan bantuan kepada murid kurang berkemampuan,"katanya kepada Sinar



Setiasaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr Kibin Samad, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UEM, Datuk Izzuddin Idris dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sarang, Sinon Longguyu menyampaikan bantuan persekolahan kepada murid di Sekolah Kebangsaan Sarang pada program Back To School.



**Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada TNB kerana sanggup datang jauh ke sini semata-mata bagi menyampaikan bantuan kepada murid kurang kemampuan" - Kibin Samad**

Harian selepas program Back To School Peringkat Kota Belud yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan Sarang.

Difahamkan, menerusi bantuan pada kali ini, seramai 200 orang murid dipilih menerima set kelengkapan sekolah bernilai RM200 setiap seorang meliputi seperalisan ser-

agam lengkap, kasut, beg sekolah serta peralatan tulis.

Sebagai sebuah GLC yang berjaya, Kibin berkata TNB dilihat menjalankan perannya dengan begitu baik khususnya dalam menyampaikan perkhidmatan CSR buat sekolah-sekolah daif yang memerlukan bagi meringankan beban kel-

**INFO**

- Program Back To School TNB ini mula diperkenalkan sejak 2013.
- 25,000 pelajar telah menerima bantuan.
- RM5 juta telah dibelanjakan.

uarga kurang berkemampuan.

Tambah beliau, pihaknya berharap agar bantuan yang disampaikan itu dapat menjadi suntikan semangat buat murid-murid untuk belajar dengan lebih gigih bagi mencapai kejayaan di masa hadapan.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman yang turut turun padang bagi bersama-sama dalam program itu berkata, murid dan ibu-bapa penerima dilihat amat gem-

bara dan menghargai sumbangan daripada TNB ini.

"Mungkin bagi kita yang duduk di bandar nilai RM200 itu tak seberapa, tapi bagi mereka yang menetap di kampung dan kawasan pendalaman, jumlah sebanyak itu amat bermakna kepada mereka,"katanya.

Beliau berkata, proses saringan bagi pemilihan penerima bantuan itu dilakukan oleh pihak sekolah bersama dengan Pejabat ahli Parlimen Kota Belud.

Buat masa ini, Roslan berkata TNB telah menyampaikan bantuan Back To School kepada kira-kira 25,000 orang murid seluruh Malaysia menerusi program itu yang bermula sejak 2013 lagi.

"Kita percaya dengan keadaan syarikat kita pada masa ini, program sebegini akan dapat diteruskan lagi untuk tahun-tahun akan datang,"katanya.



Halim Sembilan dan isteri, Paulin Mansor melihat kelengkapan bantuan persekolahan yang diterima oleh anaknya, Pretty Angle pada program Back To School 2018, di Sekolah Kebangsaan Sarang.